

LPP(G)5/6(41)

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG  
BIL. 2 TAHUN 2008**

**PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN**

**1. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan bagi meminda Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bertujuan:

- i. Menyeragamkan penetapan bayaran masuk, yuran tahunan dan pegangan saham minimum ahli PPK
- ii. Menggalakkan peladang berpotensi menyertai pergerakan PPK secara memudahkan mereka menjadi ahli PPK
- iii. Memperjelaskan beberapa perkara dalam perlembagaan PPK bagi memantapkan kecekapan serta keberkesanan pentadbiran PPK.

**2. Latar Belakang**

- 2.1. Pada masa ini penetapan kadar bayaran masuk, yuran tahunan dan pegangan saham bagi seseorang ahli ditetapkan oleh tiap-tiap PPK berdasarkan keputusan mesyuarat agung masing-masing.

- 2.2. Berdasarkan kepada laporan kewangan beraudit PPK, didapati ramai ahli PPK yang tidak memenuhi saham minimum dan yuran tahunan seperti yang ditetapkan dalam perkara 22(i) dan perkara 28 Perlembagaan PPK. Penetapan pertambahan pegangan saham minimum seterusnya turut menyumbang kepada permasalahan tersebut dan menyebabkan kurangnya minat di kalangan peladang daripada menjadi ahli PPK.
- 2.3. Bagi ahli yang gagal mematuhi perlembagaan seperti dinyatakan pada para 2.2 boleh menyebabkan ahli itu digantung keahliannya dan akan hilang segala hak-hak, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sebagai ahli.
- 2.4. Terdapat beberapa perkara dalam perlembagaan PPK yang perlu diperjelaskan bagi memantapkan kecekapan serta keberkesanan pentadbiran PPK di antaranya berkaitan tugas Pengerusi, menggugurkan jawatan Pengerusi, kuorum mesyuarat agung unit ahli, tempat mengadakan mesyuarat, lantikan Presiden Kehormat, lantikan Pengurus Besar, tandatangan cek dan mengadakan kumpulan wang.
- 2.5. Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan pada para 2.2 hingga 2.4, Pendaftar berpendapat wajar Perlembagaan PPK dipinda.

### 3. **Punca Dan Had Kuasa**

Arahan ini dibuat di bawah Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut:

- 3.1. Peraturan 54(7) Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan

sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya.

- 3.2. Peraturan 85 Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu, mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

#### 4. **Pindaan Perlembagaan PPK**

- 4.1. Dengan ini diputuskan pindaan Perlembagaan PPK yang terlibat adalah seperti berikut:

- |    |                               |   |                                  |
|----|-------------------------------|---|----------------------------------|
| a. | Perkara 3                     | - | Kawasan Pengendalian             |
| b. | Perkara 12                    | - | Bayaran Masuk                    |
| c. | Perkara 13                    | - | Hak dan kewajipan                |
| d. | Perkara 22(i), (ii) dan (iii) | - | Pegangan saham ahli              |
| e. | Perkara 28                    | - | Yuran Tahunan                    |
| f. | Perkara 29(i), (ii) dan (iii) | - | Penggantungan hak ahli           |
| g. | Perkara 30                    | - | Yuran tidak dikembalikan         |
| h. | Perkara 35(i)                 | - | Mesyuarat Agung Tahunan          |
| i. | Perkara 45                    | - | Lantikan Pengerusi               |
| j. | Perkara 46(iv)                | - | Tugas-Tugas Pengerusi            |
| k. | Perkara 55(iii)               | - | Kuorum Mesyuarat Agung Unit Ahli |
| l. | Perkara 57(i)                 | - | Lantikan Presiden Kehormat       |
| m. | Perkara 58(i)                 | - | Pengurus Besar                   |
| n. | Perkara 61                    | - | Penyelenggaraan Kira-kira        |
| o. | Perkara 68(ii)(h)             | - | Pembahagian Keuntungan           |

- 4.2. Semua PPK diarahkan meminda Perlembagaan masing-masing atas perkara-perkara pada para 4.1 sepertimana mengikut **Lampiran A** dari tarikh kuatkuasa Arahan ini.
5. **Tarikh Kuatkuasa**

Arahan ini berkuatkuasa mulai **Tiga** haribulan **Jun** tahun **Dua Ribu Lapan**.

(DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN HAJI AHMAD)  
Pendaftar  
Pertubuhan Peladang.



**CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN  
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN**

<b>Bil.</b>	<b>Peruntukan Sekarang</b>	<b>Cadangan Pindaan</b>	<b>Justifikasi</b>
1	<p>Perkara 3 Kawasan Pengendalian</p> <p>Kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah meliputi semua kawasan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung dan dipersetujui oleh Pendaftar. Peta kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah seperti Lampiran 'A'.</p>	<p>Perkara 3</p> <p>(i) Kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah meliputi semua kawasan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung dan dipersetujui oleh Pendaftar. Peta kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah seperti Lampiran 'A'.</p> <p><b><i>(ii) Semua mesyuarat Pertubuhan hendaklah diadakan dalam Kawasan pengendalian ini,</i></b></p>	<p>Mengelakkan dari PP menjalankan Mesyuarat di luar kawasan pengendalian yang akan melibatkan pembaziran wang.</p>
2.	<p>Perkara 12 Bayaran Masuk</p> <p>Tiap-Tiap pemohon hendaklah membayar bayaran masuk sebanyak RM.....bagi ahli perseorangan dan RM..... bagi Syarikat Kerjasama. Bayaran ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan permohonan</p>	<p>Perkara 12 Bayaran Masuk</p> <p>Tiap-Tiap pemohon hendaklah membayar bayaran masuk sebanyak <b>RM 2.00</b> bagi ahli perseorangan dan <b>RM10.00</b> bagi Syarikat Kerjasama. Bayaran ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan permohonan</p>	<p>Supaya semua bayaran masuk adalah seragam bagi semua PPK.</p>

Bil.	Peruntukan Sekarang	Cadangan Pindaan	Justifikasi
3.	<p>Perkara 13 Hak dan Kewajipan</p> <p>Ahli-ahli tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga satu saham Pertubuhan ini atau memperoleh apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan Ini.</p>	<p>Perkara 13 Hak dan Kewajipan</p> <p>Ahli-ahli tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga <b>saham seperti ditetapkan Perkara 22(i) Perlembagaan</b> Pertubuhan ini atau memperoleh apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan Ini.</p>	<p>Menetapkan suatu nilai minimum yang membolehkan ahli menjalankan hak-haknya</p>
4.	<p>Perkara 22(i) Pegangan saham oleh ahli-ahli</p> <p>(i) Tiap-tiap ahli hendaklah memiliki saham-saham seperti berikut:</p> <p>(a) Syarikat Kerjasama hendaklah mengambil tidak kurang dari ..... saham iaitu berharga \$.....</p> <p>(b) Ahli-ahli perseorangan hendaklah mengambil tidak kurang dari ..... saham, iaitu berharga \$ .....</p> <p>Perkara 22(ii) dan (iii)</p>	<p>Perkara 22(i) Pegangan saham oleh ahli-ahli</p> <p>(i) Tiap-tiap ahli hendaklah memiliki saham-saham seperti berikut:</p> <p>(a) Syarikat Kerjasama hendaklah mengambil tidak kurang dari <b>50</b> saham iaitu berharga <b>RM50.00</b></p> <p>(b) Ahli-ahli perseorangan hendaklah mengambil tidak kurang dari <b>10</b> saham iaitu berharga <b>RM10.00</b></p> <p>(c) Tiap-tiap ahli boleh menambah saham-sahamnya dari masa ke semasa.</p> <p><b>DIMANSUHKAN</b></p>	<p>Mengelakkan syarat ini menjadi penghalang kepada kelayakan ahli dalam menjalankan hak-haknya.</p> <p>Penambahan saham adalah tertakluk kepada keperluan semasa PP untuk modal dalaman bagi menjalankan aktiviti ekonominya</p>

<b>Bil.</b>	<b>Peruntukan Sekarang</b>	<b>Cadangan Pindaan</b>	<b>Justifikasi</b>
5.	<p>Perkara 28 Yuran Tahunan</p> <p>Tiap-tiap ahli hendaklah membayar yuran tahunan sebanyak \$ ..... bagi ahli perseorangan dan \$ ..... bagi Syarikat Kerjasama. Yuran bagi tahun yang berkenaan itu hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 31hb. Julai</p>	<p>Perkara 28 Yuran Tahunan</p> <p><b><i>DIMANSUHKAN</i></b></p>	<p>Pemansuhan ini ialah ekoran daripada Pemansuhan Yuran Tahunan dalam Peraturan PP 1983</p>
6.	<p>Perkara 29(i)(ii) dan (iii) Penggantungan hak ahli jika yuran tidak dibayar</p> <p>(i) Jika sesuatu ahli tidak membayar yuran tahunannya dalam tempoh yang ditentukan mengikut perkara 28 Perlembagaan ini, ahli itu akan digantung keahliannya dan akan hilang segala kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sebagai ahli;</p> <p>(ii) Sesuatu ahli yang telah digantung keahliannya bolehlah diterima semula jika ia menjelaskan yuran tahunannya bagi tahun itu. Tetapi ia tidaklah boleh menuntut untuk menjalankan sebarang kuasa atau kewajipannya yang telah hilang dalam masa penggantungan itu;</p> <p>(iii) Walauapapun peruntukan yang terkandung dalam perkara 29(i) Perlembagaan ini, mana-mana wakil atau Pengarah tidaklah tergantung dari memegang jawatan atau menjalankan apa-apa kuasa jawatan itu oleh kerana kegagalan unit ahli membayar satu yuran tahunan.</p>	<p>Perkara 29(i)(ii) dan (iii) Penggantungan hak ahli jika yuran tidak dibayar</p> <p><b><i>DIMANSUHKAN</i></b></p> <p><b><i>DIMANSUHKAN</i></b></p> <p><b><i>DIMANSUHKAN</i></b></p>	<p>Pemansuhan ini ialah ekoran daripada Pemansuhan Yuran Tahunan dalam Peraturan PP 1983</p>



Bil.	Peruntukan Sekarang	Cadangan Pindaan	Justifikasi
7.	<p>Perkara 30 Yuran-Yuran Tidak Dikembalikan</p> <p>Yuran-Yuran tidak akan dikembalikan kepada ahli-ahli dan bolehlah digunakan untuk belanja pentadbiran dan usaha-usaha pendidikan pelajaran, kebajikan dan sebagainya bagi faedah ahli-ahli.</p>	<p>Perkara 30 Yuran-Yuran Tidak Dikembalikan</p> <p><b><i>DIMANSUHKAN</i></b></p>	<p>Pemansuhan ini ialah ekoran daripada Pemansuhan Yuran Tahunan dalam Peraturan PP 1983</p>
8	<p>Perkara 35(i) Mesyuarat Agung Tahunan</p> <p>Tarikh dan tempat untuk diadakan sebarang Mesyuarat Agung itu hendaklah ditentukan oleh Jemaah Pengarah dengan syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan ini hendaklah diadakan tidak lewat dari 31hb. Julai tiap-tiap tahun;</p>	<p>Perkara 35(i) Mesyuarat Agung Tahunan</p> <p>Tarikh dan tempat untuk diadakan sebarang Mesyuarat Agung itu hendaklah ditentukan oleh Jemaah Pengarah dengan syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan ini <b><i>hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian</i></b> dan diadakan tidak lewat dari 31hb. Julai tiap-tiap tahun;</p>	<p>Mengelakkan daripada pembaziran Mesyuarat Agung diadakan diluar kawasan pengendalian</p>
9.	<p>Perkara 45 Lantikan Pengerusi</p> <p>Tiada peruntukan</p>	<p>Perkara 45 (iii) Lantikan Pengerusi</p> <p><b><i>Tiada mana-mana Pengerusi Jemaah Pengarah boleh digugurkan dari jawatannya melainkan telah dirujuk terlebih dahulu kepada Pendaftar</i></b></p>	<p>Membolehkan Pendaftar memberi panduan dari sudut pemecatan yang tidak melanggar prosedur</p>

Bil.	Peruntukan Sekarang	Cadangan Pindaan	Justifikasi
10.	Perkara 46(iv) Tugas Pengerusi  Tiada peruntukan	Perkara 46(iv) Tugas Pengerusi  <b><i>Semasa ketiadaan Pengerusi dalam suatu tempoh 30 hari atau lebih atau atas sebab tidak berada dalam kawasan, kesihatan atau ketidakupayaan sementara bagi menjalankan tugas Pengerusi, Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah memilih seorang Ahli Jemaah Pengarah bagi memangku tugas-tugas dan menjalankan tugas-tugas Pengerusi sehingga Pengerusi kembali atau pulih dari ketidakupayaannya.</i></b>	Memudahkan perjalanan pentadbiran PP semasa ketiadaan Pengerusi dan perlantikan pemangku pengerusi dapat dijalankan dengan lebih teratur.
11.	Perkara 55 (iii) Ahli-ahli perseorangan dikumpulkan dalam Unit Ahli  Korum bagi sebarang Mesyuarat Unit ahli tersebut ialah ½ daripada jumlah ahli-ahli perseorangan yang layak mengundi;	Perkara 55 (iii) Ahli-ahli perseorangan dikumpulkan dalam Unit Ahli  Korum bagi sebarang Mesyuarat Unit ahli tersebut <b><i>hendaklah tidak kurang 15 orang</i></b> daripada jumlah ahli-ahli perseorangan yang layak mengundi;	Membolehkan mesyuarat agung unit dilaksanakan dengan cukup korum.
12.	Perkara 57(i) Perlantikan Presiden Kehormat  Pertubuhan boleh melantik seorang yang berkenamaan atau berpengaruh dalam kawasan pengendalian Pertubuhan ini sebagai Presiden Kehormat bagi Pertubuhan ini. Tugas-tugasnya adalah seperti berikut:-	Perkara 57(i) Perlantikan Presiden Kehormat  Pertubuhan <b><i>dengan persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan</i></b> boleh melantik seorang yang berkenamaan atau berpengaruh dalam kawasan pengendalian Pertubuhan <b><i>yang tidak menjadi ahli Pertubuhan</i></b> ini sebagai Presiden Kehormat bagi Pertubuhan ini. Tugas-tugasnya adalah seperti berikut:-	Untuk mendapat panduan serta pengaruh pemimpin-pemimpin tertentu dalam urusan ekonomi dan sosial ahli dari pandangan orang luar. Tujuan melantik mereka yang bukan ahli ialah supaya mereka tidak ada apa-apa kepentingan peribadi dalam PP.

Bil.	Peruntukan Sekarang	Cadangan Pindaan	Justifikasi
13.	<p>Perkara 58(i) Pengurus Besar</p> <p>(i) Sekiranya Lembaga tidak menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar dari masa ke semasa Jemaah Pengarah bolehlah melantik dan memberhentikan Pengurus Besar bagi Pertubuhan ini dengan syarat-syarat yang tertentu mengenai tempoh perkhidmatan, gaji,kuasa kerja-kerja, elaun dan lain-lain kemudahan yang difikirkan patut. Jemaah Pengarah bolehlah dari masa ke semasa meminda syarat-syarat mengenai lantikan Pengurus Besar ini dengan syarat tidaklah diberi kepada Pengurus Besar itu kuasa dan kerja-kerja yang mana Jemaah Pengarah sendiri tidak dibenarkan menjalankan :</p>	<p>Perkara 58(i) Pengurus Besar</p> <p>Sekiranya Lembaga tidak menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar dari masa ke semasa Jemaah Pengarah <b>dengan kelulusan Pendaftar</b> bolehlah melantik dan memberhentikan Pengurus Besar bagi Pertubuhan ini dengan syarat-syarat yang tertentu mengenai tempoh perkhidmatan, gaji,kuasa kerja-kerja, elaun dan lain-lain kemudahan yang difikirkan patut. Jemaah Pengarah <b>dengan kelulusan Pendaftar</b> bolehlah dari masa ke semasa meminda syarat-syarat mengenai lantikan Pengurus Besar ini dengan syarat tidaklah diberi kepada Pengurus Besar itu kuasa dan kerja-kerja yang mana Jemaah Pengarah sendiri tidak dibenarkan menjalankan;</p>	<p>Mengadakan peruntukan bagi Lembaga (LPP, MADA dan KADA) menempatkan atau meminjam Pengurus Besar masing-masing di PP. Sekiranya Lembaga tidak berbuat demikian, pertimbangan Kelulusan Pendaftar hendaklah diperolehi terlebih dahulu oleh Jemaah Pengarah PP.</p>
14.	<p>Perkara 61 Penyelenggaraan Kira-Kira</p> <p>Kira-kira wang Pertubuhan ini hendaklah diselenggarakan oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari masa ke semasa.</p> <p>Tiada peruntukan</p>	<p>Perkara 61(i) dan (ii) Penyelenggaraan Kira-Kira</p> <p>(i) Kira-kira wang Pertubuhan ini hendaklah diselenggarakan oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari masa ke semasa.</p> <p><b>(ii) Cek Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah</b></p>	<p>Untuk memberi kemudahan kepada PP untuk mempercepatkan proses pembayaran oleh PP tetapi masih dalam kawalan Pendaftar.</p>

Bil.	Peruntukan Sekarang	Cadangan Pindaan	Justifikasi
		<i>atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa dengan kelulusan Pendaftar</i>	
15	Perkara 68(ii)(h) Pembahagian Keuntungan  Mengadakan lain-lain kumpulanwang yang dipersetujui oleh Pendaftar;	Perkara 68(ii)(h) Pembahagian Keuntungan  Mengadakan lain-lain kumpulanwang yang dipersetujui <b>oleh mesyuarat agung</b> dan yang dipersetujui oleh Pendaftar <b>atau diarahkan oleh Pendaftar</b> ;	Untuk memudahkan usaha Pendaftar menubuhkan Kumpulan Wang secara berpusat untuk kepentingan pergerakan PP dan ahli di semua peringkat.